

# Mike memang hebat!

■ Lelaki hilang penglihatan muncul juara hafazan saudara kita

**Zairee Mohd Yasak**  
ami@metro.com.my

**Malaka**

**W**alaupun baru pertama kali menyertai pertandingan hafazan peringkat kebangsaan untuk saudara kita yang diadakan di Kuching, Sarawak awal bulan ini, semangat tidak mudah megalah mendorong orang kurang upaya (OKU) buta Tan Mike Foong, 21, melakukan yang terbaik hingga muncul juara.

Tan, yang mesra dengan panggilan Mike berkata, dia dilahirkan buta akibat masalah saraf namun kekurangan itu langsung tidak menghalanginya untuk terus mendalami ilmu al-Quran.

Menceritakan pengalamannya Mike berkata, dia amat meminati bacaan Surah Lazim dialunkan Qari terkenal Kuwait, Mishary Rashid.

Malah, dia turut menjadikan gaya alunan ayat suci al-Quran oleh Mishary sebagai panduan ketika memperdengarkan bacaan pada pertandingan berkenaan, hingga menewaskan 22 peserta lain.

Mike yang kini menetap di Interactive Dakwah Training (IDD), Wangsa Maju, Kuala Lumpur, berkata, walaupun buta, dia masih mempunyai daya pendengaran yang amat membantunya dalam usaha mendalami al-Quran.

Pemuda itu berkata, dia lebih gemar menghafal sendiri dan akan memastikan amalan itu dilalukan sebanyak lima kali sehari, termasuk dibaca ketika menamatkan solat.

"Saya akan pastikan setiap ayat dihafaz terlebih dulu sebelum beralih kepada yang lain. Alhamdulillah kerana Allah kurniakan saya daya ingatan yang kuat walaupun tidak dapat melihat"

**Tan Mike Foong**

Tan, yang mesra dengan panggilan Mike berkata, dia dilahirkan buta akibat masalah saraf namun kekurangan itu langsung tidak menghalanginya untuk terus mendalami ilmu al-Quran.

Menceritakan pengalamannya Mike berkata, dia amat meminati bacaan Surah Lazim dialunkan Qari terkenal Kuwait, Mishary Rashid.

Malah, dia turut menjadikan gaya alunan ayat suci al-Quran oleh Mishary sebagai panduan

an ketika memperdengarkan bacaan pada pertandingan berkenaan, hingga menewaskan 22 peserta lain.

Mike yang kini menetap di Interactive Dakwah Training (IDD), Wangsa Maju, Kuala Lumpur, berkata, walaupun buta, dia masih mempunyai daya pendengaran yang amat membantunya dalam usaha mendalami al-Quran.

Pemuda itu berkata, dia lebih gemar menghafal sendiri dan akan memastikan amalan itu dilalukan sebanyak lima kali sehari, termasuk dibaca ketika menamatkan solat.

"Saya akan pastikan setiap ayat dihafaz terlebih dulu sebelum beralih kepada yang lain. Alhamdulillah kerana Allah kurniakan saya daya ingatan yang kuat walaupun tidak dapat melihat."

"Sekarang ini saya sedang belajar cara untuk melagukan bacaan supaya apa diperdengarkan lebih memberi kesan dan keinsafan kepada mereka yang mendengarnya," katanya yang ditemui

pada Majlis Sembang Santal Ambang Ramadan di Masjid Selat, di sini.

Beliau yang juga aktif dengan Persatuan Orang Buta Malaysia di Brickfields Kuala Lumpur, bersyukur dengan penerimaan keluarga selegas membuat keputusan memeluk Islam.

Kunjungan ibu dan adik-beradik lain, sebanyak dua kali sebelum sudah cukup untuk melepaskan rindu selain menaikkan semangat Mike untuk terus menyebarkan agama Allah dengan caranya tersendiri.

"Bagi menyejukkan hati ahli keluarga yang mungkin marah dengan keputusan dilakukannya sebelum ini, saya menunjukkan akhlak baik yang dipelajari sepanjang mengenal Islam berbanding berhubung dengan mereka.

"InsyaAllah, saya berminat untuk tinggal dengan mereka bagi menyampaikan dakwah saya sebaik sahaja berpindah ke Darul Quran yang bakal dibina di Kuala Sungai Baru," katanya.



MIKE memajukkan trofi dan replika cek bernilai RM1,000 yang dimenangkinya.



MIKE ketika dalam pertandingan hafazan.